



KOLEJ PROFESIONAL MARA BERANANG

Lot 2333, Mukim Beranang,
Jalan Kajang/Seremban
43700 Beranang Selangor



Telefon : 03-87668935/36
Fax : 03-87668940
Laman Web : beranang.kpm.edu.my

SEMUA PELAJAR LELAKI
KOLEJ PROFESIONAL MARA BERANANG
SELANGOR

No Rujukan : KPMB.200-4/2/1(3)
Tarikh : 25 November 2021
20 Rabiul Akhir 1443H

KEWAJIPAN DAN GARIS PANDUAN MENGHADIRI SOLAT JUMAAT

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan pihak pengurusan Kolej Profesional MARA Beranang (KPMB) menggesa semua pelajar lelaki KPMB menghadiri solat Jumaat di masjid atau surau Jumaat yang berdekatan. Ini kerana meninggalkan solat Jumaat dengan sengaja tanpa sebarang keuzuran syarie termasuk dalam kesalahan Jenayah Syariah sebagaimana dinyatakan dalam **ENAKMEN JENAYAH SYARIAH (SELANGOR) 1995, BAHAGIAN III - KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN KESUCIAN AGAMA ISLAM DAN INSTITUSINYA, Seksyen 20. Tidak menunaikan sembahyang Jumaat.**

"Mana-mana orang lelaki, yang baligh, yang tidak menunaikan sembahyang Jumaat di masjid dalam kariahnya tiga kali berturut-turut tanpa uzur syarie atau tanpa sebab yang munasabah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya."

3. Sehubungan dengan itu, pelajar lelaki yang tinggal di luar atau berkenderaan hendaklah menunaikan solat Jumaat di masjid atau surau Jumaat yang berdekatan. Manakala pelajar lelaki yang tinggal di KAMSIS disarankan untuk menunaikan solat Jumaat di **Surau Riyadussolihin MJII Beranang**. Berikut adalah garis panduan pelajar KAMSIS menghadiri solat Jumaat sebagai langkah kawalan dalam mengekang penularan virus COVID-19 serta memastikan keselamatan warga kolej keseluruhannya :

- Tidak dalam tempoh kuarantin sendiri
- Sihat dan tidak bergejala
- Berwuduk dari KAMSIS
- Membawa sejadah sendiri
- Memakai pelitup muka
- Datang awal ke masjid (12.30 tengahari)
- Mendaftar nama dalam buku log di pondok pengawal
- Melakukan imbasan dan mengemaskini MySejahtera di pondok pengawal
- Melaksanakan penjarakan sosial di dalam dan luar masjid
- Segera bersurai dan pulang ke KAMSIS selepas selesai solat Jumaat

Segala kerjasama dan perhatian daripada semua pelajar didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"LUAR BANDAR SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,


AZINA BINTI JOHARI
Pegawai
Kolej Profesional MARA Beranang
Selangor



Keusahawanan
& Pendidikan Global
Majlis Amanah Rakyat

